

UCAPAN
YBHG DATUK SETIAUSAHA SPP

Sempena Perhimpunan
Bulanan Warga SPP
Jun

*Auditorium Jabatan
Perdana Menteri
3 Jun 2016 (Jumaat)*

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis

YBrs. Encik Chin Weng Peng

Timbalan Setiausaha (Pengambilan & Perkhidmatan)

YBrs. Encik Mahpof bin Mahmood

Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga SPP yang dihormati
sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Satu SPP

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, seluruh Warga SPP dapat berkumpul bersama-sama dalam penuh suasana kemesraan bagi menjayakan perhimpunan bulanan pada bulan Jun 2016. Perhimpunan pada pagi ini begitu bermakna kepada saya kerana ia merupakan perhimpunan pertama saya bersama tuan-tuan dan puan-puan selaku Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran yang baharu. Encik Chin ada memaklumkan saya merupakan SU yang ke 13 sejak

tahun 1974, Sesungguhnya saya amat bersyukur dan gembira kerana telah diberikan kepercayaan oleh Kerajaan bagi mengetuai SPP dan InsyaAllah dengan izin Allah jua serta kerjasama dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan kita dapat berganding bahu sebagai satu pasukan bagi menjadikan SPP organisasi yang cemerlang. Saya juga berasa bertuah kerana dibantu kedua-dua Timbalan SU Encik Chin yang saya kenal kerana kerap berurusan dengan SPP semasa berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam dan Encik Mahpof yang merupakan rakan kursus lebih 20 tahun yang lalu. Besarlah harapan saya dengan Team ini serta dibantu tuan-tuan dan puan-puan kita berupaya memastikan SPP akan terus kekal relevan dan dihormati dalam perkhidmatan awam khususnya dikalangan pendidik.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

SPP sebagai Satu Pasukan

2. Sepertimana saya sebutkan tadi, bagi menjadikan SPP sebagai organisasi yang cemerlang dan dihormati, tidak dapat tidak pegawai dan staf sedia ada hendaklah mereka yang komited, berdisplin, berintegriti dan berdaya saing. Nama baik SPP perlu dijaga setiap masa supaya menjadi contoh kepada semua agensi dibawah Jabatan Perdana Menteri, Tugas dan tanggungjawab yang diberikan tidak diabaikan, sebaliknya

dilaksanakan dengan sepenuhnya demi kepentingan stakeholder dan pelanggan. Budaya bekerja sebagai satu pasukan (team spirit) perlu disemai dan diamalkan sesuai dengan jumlah pegawai dan staf SPP yang agak sedarhana iaitu seramai 269 orang termasuk SPP Cawangan Sabah dan Sarawak. Kekuatan bekerja secara pasukan boleh diibaratkan bagaimana susahnya mematahkan batang mancis yang diikat dengan jumlah yang banyak berbanding apabila kita mematahkan satu batang mancis.

Elakkan Bekerja Secara SILO

3. Sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang punca kuasanya melalui Perlembagaan Persekutuan, saya mendapati peranan SPP begitu besar kepada KPM dan KPT pelanggan utama kita bahkan para pendidik yang merupakan golongan majoriti penjawat awam. Sehubungan itu sebarang dasar, garis panduan mahupun tugas-tugas operasi yang dilaksanakan perlu diputuskan secara bersama, Amalan bekerja secara SILO perlu dielakkan. Setiap warga SPP wajar membina hubungan yang baik dengan penyelia mahupun rakan sekerja bagi memudahkan tugas yang diamanahkan.

Cabaran Semasa Penjawat Awam

4. Saya juga mengambil kesempatan ini, memperingatkan tuan-tuan dan puan-puan **2 cabaran utama** yang dihadapi perkhidmatan awam bagi menentukan SPP untuk terus kekal relevan.

Pertama sekali adalah **mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan dalam menangani isu-isu berbangkit** supaya SPP terus mendapat sokongan pelanggan.

Keduanya, **menangani persepsi dan pemikiran penjawat awam termasuk warga SPP** bahawa mereka tidak boleh dikeluarkan dalam perkhidmatan walaupun prestasi kerja mereka begitu rendah kerana berada dalam keadaan selesa (comfortable). Sehubungan itu, terdapat mekanisma Kerajaan bagi mengeluarkan pegawai seperti ini sama ada melalui proses tindakan tatatertib dan terbaharu melalui Exit Policy

4 Dalam memastikan SPP terus mendapat kepercayaan pelanggan dan Kerajaan, kita perlu sentiasa bersedia melakukan transformasi dengan menambahbaik dan membuat perubahan terhadap cara kita bekerja, menyelesaikan masalah dan berurusan dengan pelanggan. **Pegang dan ingatilah perkara-perkara berikut** : :

i) **Laksanakan tugas dengan penuh integriti.** Kita seharusnya ingat kepada amanah yang telah diberikan kepada kita sebagai penjawat awam. Contohnya sebagai penganut Islam, kita akan dipersoalkan semasa di alam akhirat nanti sama ada kita telah menunaikan amanah yang ditetapkan atau sebaliknya.

ii) **Professional, bersikap natureal dan setia kepada kerajaan.** Janganlah terpengaruh dengan media sosial dan kita perlu bijak menilai apa yang benar daripada fitnah dan berita palsu yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab. Sebagai penjawat awam, kita perlu berdiri teguh mempertahankan dasar-dasar Kerajaan. Media sosial yang ada digunakan untuk mempertingkatkan imej perkhidmatan awam dan menangani persepsi negatif terhadap Kerajaan.

iii) **Mempertingkatkan kompetensi** – Berhadapan dengan pelanggan masakini yang bukan sahaja berpelajaran bahkan boleh akses banyak maklumat, maka sewajarnya warga SPP menambah ilmu pengetahuan sediaada serta meningkatkan kemahiran melalui pembacaan mahupun menghadiri kursus yang sesuai. Selain itu, kemahiran berkomunikasi perlu dipertingkatkan selaras dengan tugas kita yang kerap berhadapan dengan pelanggan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. **Pelaksanaan tugas melalui pemikiran kreatif dan inovatif**. Satu usaha dalam meningkatkan produktiviti jabatan dimana daya kebijaksanaan kita dalam mencari idea-idea baru yang boleh memendekkan proses kerja dan menjimatkan kos serta masa. Idea-idea kreatif dan inovatif boleh dicetuskan oleh semua warga SPP dan jika dilaksanakan bukan sahaja memudahkan tugas kita bahkan memberi impak kepada pelanggan jabatan. Usaha-usaha ini memang digalakkan oleh Kerajaan sesuai dengan langkah-langkah penjimatan serta pengoptimuman penggunaan input. Justeru, sesuatu masalah itu perlu dilihat sebagai satu peluang untuk berkreativiti dan berinovasi yang akhirnya meningkatkan produktiviti kepada jabatan. Konsep “*do more with less*” dan “*think out the box*” wajar diterapkan kepada warga SPP supaya satu masa nanti, SPP mengujudkan semula Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dapat meningkat imej Jabatan

Langkah-Langkah Penjimatan

6. Saya juga menyeru supaya setiap warga SPP perlu merancang setiap tugas kerja supaya lebih sistematik dan mempunyai nilai tambah. Sesuai dengan pematangan serta had ceiling bajet yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan, maka setiap perbelanjaan perlu dioptimumkan dan mengelakkan

sebarang pembaziran. Walaupun kita melaksanakan langkah-langkah penjimatan, namun kita tidak sewajar berkompromi keperluan mencapai sasaran dan hasil yang ditetapkan. Setiap peruntukan yang disalurkan kepada SPP perlu dibelanjakan sepenuhnya.

8. Perkhidmatan awam yang sentiasa dekat dengan rakyat perlu dilihat sebagai **satu perkhidmatan yang sentiasa bersih dan menjadikan integriti sebagai teras utama.** Sehubungan itu, **budaya kerja yang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawapan serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri** setiap Warga SPP agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus di samping perlu juga diterapkan elemen sentuhan kemanusiaan bagi menangani dan menyelesaikan kes-kes tertentu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

9. Harapan saya agar setiap warga SPP dapat **menjaga disiplin diri serta imej dan nama baik SPP dari sebarang isu dan tanggapan negatif** rakyat lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang semakin moden dan mencabar ini. Marilah kita **bersama-sama menjadikan SPP sebagai sebuah organisasi penanda aras dalam sistem**

penyampaian perkhidmatan sokongan dan tadbir urus terbaik sektor awam di negara ini. Warga kerja yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang menjadi aset penting ke arah mewujudkan Perkhidmatan Awam yang produktif dan berkualiti.

13. Sebelum saya terlupa saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **menyampaikan rasa penghargaan dan terima kasih kepada kepimpinan yang lepas atas segala pencapaian yang telah dikecapi oleh SPP pada ketika ini.** Setiap pemimpin mempunyai gaya kepimpinan yang mungkin berbeza dalam pendekatan yang diambil bagi menterjemahkan amanah yang dipikul. Hakikatnya ianya dilakukan dengan tujuan yang sama iaitu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak yang berkepentingan.

14. Saya sentiasa memohon kehadiran Allah s.w.t supaya kita **sentiasa berada di dalam satu saf yang mantap, sentiasa bekerjasama, bersefahaman dan bersatu padu** untuk menghasilkan inisiatif yang bermanfaat kepada semua pihak. InsyaAllah saya akan berusaha untuk memanfaatkan segala pengalaman kerja yang ada untuk **melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan penuh integriti** bagi memastikan agenda transformasi dapat dilaksanakan

secara menyeluruh dan berterusan. Peter Drucker, seorang tokoh dan pakar pengurusan terkemuka dunia menyebutkan *“The leaders who work most effectively, always say we and never say 'I'.”*

15. Akhir kata marilah kita bersama-sama merapatkan saf, menanam azam untuk menjayakan dan melaksanakan agenda SPP serta menempa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan. Marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha murni kita untuk SPP dalam usaha memartabatkan Perkhidmatan Awam dan membangunkan Negara diberkati dan mencapai matlamatnya.

16. Tidak lupa juga saya kita sudah berada dekat dengan bulan yang penuh dengan keberkatan dan kemuliaan iaitu Bulan Ramadhan. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Al Mubarak kepada semua Warga SPP yang beragama Islam. Semoga segala kerja buat dan amalan kita akan sentiasa diberkati dan mendapat keredhaan dari Allah SWT.

Hati ibarat pokok yang kekeringan..

suburkanlah ia dengan zikrullah..

pastinya ia mekar membuahkan

amal seranum halawatul iman..

usah biarkan ia layu dengan racun dunia..

pagarilah ia dengan tembok puasa kerana

puasa menundukkan nafsu serta mendidik jiwa.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah. Wassalamualaikum
WarahmatullahiWabarakatuh